

Kandungan

CONSAL 13th, Manila 2006	1
Pakej PPM ke New Delhi World Book Fair 26 Januari - 2 Februari 2006	1
Umum	
What has PGLTM got to do with libraries	2
Aktiviti PPM	
Kalendar Aktiviti PPM 2006	3
Laporan Misi Iqra' PPM ke Aceh	3
Persidangan / Seminar	
What is information literacy	6
International Conference on Information Literacy (ICIL 2006)	6
Forum Pendigitalan Koleksi Perpustakaan	7
Aktiviti PPM	
PPM Journal	8
Berita Ringkas	
Perlantikan oleh UNESCO	9
Law Librarians Discussion Group	9
Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2007	9
Lawatan ke KMC, Bank Negara	9
Sekitar Perpustakaan	
Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM penerima Anugerah Perpustakaan Cemerlang	10
Persidangan / Seminar	
World Library & Information Congress	12

MABUHAY CONSAL13th. Manila 2006

The 13th General Conference of CONSAL was held in Edsa Shangri-la Hotel, Manila in the Philippines from 25th until 30th March 2006. It was jointly hosted by the Philippine Librarians Association, Inc., National Library of the Philippines, CONSAL XIII Executive Board/Organizing Committee and the National Commission for Culture and the Arts.

This PPM package is by far the smallest in terms of the number of participants since we only had 14 persons. Most Malaysians were not

keen to go to Manila due to the demonstrations and the fear of difficulty in getting halal food. The tour organizer had a very difficult time in ensuring that the package could proceed due to the very small number of participants. PPM decided on Edsa Shangri-la for accommodation purposes since it is the venue for the conference. Edsa was chosen to provide easy access to the conference since there is massive traffic congestion in Manila and for security

Cont. pg 11



Malaysia's delegation

PAKEJ PPM KE NEW DELHI WORLD BOOK FAIR 2006 dari 26 Januari – 2 Februari 2006 Oleh Maimunah Kadir

Seramai 24 peserta yang terdiri daripada 9 orang pustakawan, 5 orang pensyarah (termasuk 4 orang doktor perubatan), 9 orang pembekal buku dan seorang peserta luar telah menyertai pakej ini. Kami berlepas pada jam 5.30 petang pada 26 Januari 2006. Proses *check-in* berjalan lancar bagi semua peserta kecuali seorang yang lambat kerana terpaksa berpatah balik untuk mengambil paspot yang tertinggal. Kami tiba di kota Delhi pada jam 8.20 malam dan sebelum pergi ke tempat penginapan kami di Hotel Vikram, kami telah dibawa ke sebuah restoran untuk makan malam.

Pada keesokan harinya, selepas bersarapan

Lihat muka 4



Peserta rombongan di hadapan Taj Mahal

**PPM Council Members
2005-2007**

President

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Vice President I

Mohd Sharif Mohd Saad

Vice President II

Siti Zakiah Aman

Immediate Past President

Dato' Zawiyah Baba

Honorary Secretary

Maimunah Kadir

Honorary Assistant Secretary

Azlan Mohamad Hamzah

Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

Council Members

Nafisah Ahmad

Che Norma Bahri

Hasbullah Atan

Nor Edzan Che Nasir

Raslin Abu Bakar

Norma Mohd Darus

Hasnita Ibrahim

Sidang Pengarang Berita PPM

Ketua Pengarang

Nor Edzan Che Nasir

Sidang Pengarang

Azmah Ishak

Azlan Mohamad Hamzah

Hasbullah Atan

Hazmir Hj Zainal

Maimunah Kadir

Norbaizura Hj Malek

Grafik/Layout

Rusiah Husin

**Berita PPM mengalu-alukan
sumbangan berita dari ahli,
salurkan artikel ke
Prof Madya Nor Edzan Che Nasir :
edzan@um.edu.my**

WHAT HAS PGLtM GOT TO DO WITH LIBRARIES?

By Zawiyah Baba

What has Puteri Gunung Ledang The Musical (PGLtM) got to do with libraries? Surprising as it may seem, it does have quite a bit to do with libraries. I was very fortunate to have been offered a ticket by my younger sister Aminah for the Sunday 26th performance at Istana Budaya. PGL The Musical was very well-executed, very professional and highly entertaining. I enjoyed it tremendously unlike the movie. I daresay it is one of the best productions I've seen in Malaysian theatre so far. But as I sat and watched the performance on Sunday night, thoughts of connections between the musical and libraries came flooding my mind.

There are however some pre-requisites for librarians if you want to enjoy the show. One of the most important is not to think like a librarian when you are watching the performance. Do not question the factual basis or accuracy of PGL, be it the identity of the Princess, story line, plot, costumes or dialogue. Accept the deviations from traditional knowledge about the legendary princess as artistic licence, just as writers have literary warrant when they write fiction of historical novels. Movie or theatre producers have a right to tell their story the way they want to, even if by doing so, they deviate from accepted historical beliefs. So if you want to enjoy the performance, just sit back, relax and go with the flow.

Firstly, the lead actress, Tiara Jacqueline, was superb in the role. She clearly internalized the character of the Majapahit Princess, Gusti Puteri Raden Ajeng Retno Dumilah. Her portrayal was absolutely convincing with her polished acting, dancing and credible singing, not to mention her well-toned physique. She conveyed the emotional state of the princess with great feelings, expression and articulation.

I wonder how many librarians know that Tiara Jacqueline's first acquaintance with Puteri Gunung Ledang was not the movie? It was more likely the multimedia animation CD of Puteri Gunung Ledang produced by Mektoon for the National Library of Malaysia (PNM) in 2001. It was the first animation CD produced by PNM. At first an ordinary unknown voice was used for the princess, mainly to cut cost. But it was clearly not effective. So it was decided that we should improve the quality of the princess's vocals. True enough, the impact of the story was enhanced when Tiara Jacqueline's voice was used for the lead character. She did make a difference. The CD is still being sold by PNM. Those who have not seen it can visit the National Library's booth at the Kuala Lumpur International Book Fair in (KLIBF 2006) on 24 March – 2 April at the PWTC. Since 2002, PNM has a grandstand of 10 booths at the book fair, so you can't miss it.

Then, there is Sukania Venugopal who played the role of Bayan, the loyal, dutiful and loving lady-in-waiting of the princess. Sukania, an accomplished stage actor and competent dancer and singer as well, was outstanding in her role. She was easily the best supporting actress in PGL The Musical. Sukania's biodata in the souvenir programme book credits her with more than 20 years of acting experience in theatre. But I can vouch for the fact that it may have started in 1978 when she acted in the lead role of PPM's first (and last) theatre production of the crime thriller 'Night Must Fall' by Emlyn Williams. I remember it well as I was the producer of the play with Pat Lockwood, a Peace Corp Volunteer at RTM as the Director. The play was produced as a fund-raising activity and played to a capacity crowd for five days at the British Council theatre at Jalan Bukit Aman. Tickets were RM5.00 flat rate. Sukania's co-star in the play was none other than Mano Maniam of the popular TV comedy series Koptiam fame. For all you know she cut her teeth in theatre in the PPM

Cont. pg 11

Kalender Aktiviti PPM 2006

AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH
1. Mesyuarat Agung PPM	Perpustakaan Negara	24 April 2006
2. Bengkel Pencarian Maklumat Internet untuk Pembantu Perpustakaan	Kota Kinabalu	18 - 19 April 2006
3. OVID User Group Meeting dan Lawatan ke Perpustakaan oleh Rombongan MLG	Beijing, China	11 - 18 April 2006
4. Bengkel Pengurusan Dari Aspek Undang-Undang	Kuala Lumpur	16 - 18 Mei 2006
5. PPM-University of Queensland Training Programme	Brisbane, Australia	5 - 16 Jun 2006
6. International Workshop on Information Literacy (School Library)	Shah Alam	7 - 12 Jun 2006
7. International Conference on Information Literacy (ICIL)	Shah Alam	14 - 15 Jun 2006
8. Khemah Pembacaan	Perak	Julai 2006
9. World Library and Information Congress : IFLA	Seoul, Korea	20-24 Ogos 2006
10. Online Information and Education Conference	Bangkok, Thailand	Sept/Nov 2006
11. Jamuan Hari Raya	Kuala Lumpur	November 2006
12. ICADL	Kyoto, Japan	November 2006
13. Kursus Pembantu Perpustakaan	Port Dickson	Dec 2006
14. Forum Pembacaan	Kuala Lumpur	Akan diumumkan
15. 5 th Digital Library Conference		Akan diumumkan

Laporan Misi Iqra' PPM ke Aceh



Ekoran dari syor Laporan Misi tersebut yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Bantuan Luar PPM, Ahli Majlis PPM telah bersetuju untuk menubuhkan tabung khas yang dinamakan PPM ACEH LIBRARIES FUND bagi tujuan memungut derma untuk membantu dalam pembangunan semula perpustakaan di Aceh. Rayuan bagi tujuan ini akan ditujukan kepada ahli-ahli PPM, agensi Kerajaan dan sektor korporat.

Sumbangan pertama bagi tabung ini diterima dari Kerajaan Negeri Sembilan yang telah bermurah hati mendermakan RM30,000.00. Cek akan diserahkan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Mohamad bin Hasan kepada Yang Di

Lihat muka 11

Aktiviti PPM

Dari muka 1

pada jam 8.30 pagi, kami menaiki bas untuk melancong sekitar bandaraya Delhi. Bagi empat orang peserta pakej, ini merupakan lawatan kali kedua ke Delhi. Bagi mereka yang pertama kalinya tiba di Delhi, mereka agak terperanjat dengan keadaan trafik yang kucar-kacir serta pencemaran udara. Suhu pula agak sejuk sedikit sekitar 11-15^o Celsius pada siang hari dan 8-10^o Celsius pada sebelah malam. Buat permulaan, kami dibawa melawat Gandhi's Memorial, Delhi Gate dan sebuah masjid tertua di Delhi. Kami juga tidak ketinggalan untuk membeli-belah dan lawatan diakhiri dengan makan tengahari di sebuah restoran. Selepas makan tengahari, kesemua peserta dihantar ke Pragati Maidan di mana berlangsungnya Pesta Buku New Delhi. Ketua rombongan dan tiga orang lagi peserta pula pulang ke hotel untuk solat sebelum berlepas ke kedutaan Malaysia untuk kunjungan hormat ke pejabat Duta Malaysia di New Delhi pada jam 4.10 petang. Rombongan kami disambut oleh En. Zulkifli, Setiausaha Ketiga, yang telah mengaturkan perjumpaan kami dengan Duta Malaysia di sana. Kami dibawa berjumpa Duta Malaysia ke India iaitu YBhg Dato Zulkifli di pejabat beliau. Perjumpaan kami tamat pada jam 5.00 petang dan kami berkejar pulang ke Hotel Vikram kerana 10 orang dari kami



bersama Duta Malaysia

telah dijemput untuk majlis makan malam dengan Elsevier (Bahagian Buku) di Hotel Sangri-La.

Selepas bersarapan pada keesokan harinya, kami mengambil masa untuk berehat sebelum ke Pesta Buku yang dibuka pada jam 11.00 pagi. Pragati Maidan, lokasi bagi Pesta Buku Delhi kali ini, adalah sebuah kawasan yang luas dan terdapat banyak dewan yang perlu dilawati. Seseorang harus bijak memilih dewan mana yang sesuai dan menggunakan masa yang sebaik mungkin untuk membuat pemilihan.

Pada sebelah malamnya, kami memenuhi undangan makan malam oleh Elsevier tapi kali ini jemputan adalah dari Perdeep Kumar iaitu kawan lama bagi beberapa Pustakawan yang terlibat dengan langganan ScienceDirect. Pada jam 5.30 petang, kami menaiki bas yang telah disewa oleh Kumar dan kami dibawa ke Delhi Hatt untuk membeli-belah sebelum majlis makan malam. Delhi Hatt sama seperti Central Market di Kuala Lumpur, tetapi konsep mereka adalah pasar terbuka di mana barangan kraftangan yang dihasilkan sendiri dijual dengan harga yang agak murah dan barangannya pula berkualiti. Di sini kami diberitahu bahawa harga yang terdapat adalah tetap dan sekiranya kami tawar-menawar, penurunan harga yang diberikan sedikit sahaja. Selepas satu jam di situ, kami menaiki bas semula untuk makan malam di Taj Hotel. Taj Hotel sememangnya cantik dan ramai di antara peserta mengambil gambar di lobi hotel sebagai kenangan. Sebelum makanan dihidangkan, kami dihiburkan dengan tarian klasik India oleh sepasang penari. Walaupun perut terasa amat lapar, persembahan tarian klasik India itu dapat menahan rasa lapar dan amat menghiburkan.

Pada hari ketiga peserta menghabiskan masa sehari suntuk di Pesta Buku. Setelah penat memilih buku, mereka pulang ke hotel dan bersiap sedia untuk menaiki bas pada jam 6.30 ptg bagi memenuhi undangan makan malam terakhir oleh Narosa Publishing di National Sports Club of India. Kami dijamu makanan ala Mughal dan makanan dimasak khas oleh tukang masak makanan Mughal terkenal khusus untuk kami. Kami disambut oleh Sascha, Director of International Sales untuk Narosa Publishing dan dibawa ke khemah putih yang telah didirikan khas untuk majlis tersebut. Ianya membawa balik kenangan yang kita peroleh dari buku mengenai zaman pemerintahan British di India. Selepas makan malam, kami dihadiahkan setiap orang satu cenderahati sebelum kami mengundurkan diri dan mengucapkan terima kasih daun keladi kepada Sascha. Siapa yang tidak hadir pada jemputan malam tersebut rugi besar nampaknya!

Setibanya di hotel, kami berkemas



kerana pada jam 7.00 pagi keesokannya, kami akan menaiki bas menuju ke Jaipur. Kami dikejutkan dengan *wake-up call* seawal jam 5.00 pagi dan bersarapan pada jam 6.15 pagi. Perjalanan ke Jaipur mengambil masa 5-6 jam. Jaipur dikenali sebagai Pink City kerana kebanyakan bangunan mereka dicat warna merah jambu. Setibanya di Jaipur kita dibawa menaiki gajah untuk melawat Amber Fort. Selepas itu, kami ke Hotel Royal Days untuk *check-in* dan makan tengahari. Kami meneruskan lawatan ke Jaipur Observatory dan City Palace yang sungguh cantik di mana terdapat sebuah museum tekstil dan Bilik

Lihat muka 5

Aktiviti PPM

Dari muka 4

Merak. Nasib kami agak bertuah kerana pada masa itu Maharajah pulang dengan menaiki jeep serta ditemani cucu beliau. Sempatlah kami mengambil gambar Maharajah yang duduk dalam jeepnya. Setelah penat melawat bandar Jaipur kami pulang ke hotel untuk makan malam. Oleh kerana tiada masa langsung untuk membeli belah, kami mengambil kesempatan untuk mengunjungi beberapa kedai yang masih dibuka di hotel tersebut.

Esok harinya, pada jam 7.00 pagi, kami berlepas ke Agra yang mengambil masa lebih kurang 4-5 jam. Setiba di Agra, kami melawat Agra Fort di mana Shah Jehan ditahan oleh anaknya Aurengzeb kerana inginkan kuasa. Selepas *check-in* dan makan tengahari di hotel, kami meneruskan lawatan ke Taj Mahal. Kawalan keselamatan di Taj Mahal amat ketat di mana barangan seperti telefon bimbit, mancis, pemetik api, coklat, dan chewing gum tidak boleh dibawa masuk. Kami perlu melalui pintu keselamatan di mana wanita dan

lelaki mempunyai pintu berasingan untuk pemeriksaan badan dan semua barangan yang dibawa masuk perlu melalui mesin *x-ray*. Malangnya walaupun telah diingatkan oleh pemandu pelancong kami untuk meninggalkan telefon bimbit di dalam bas salah seorang dari peserta telah membawanya bersama. Ini telah menimbulkan sedikit masalah dan ianya terpaksa ditinggalkan dengan pengawal keselamatan. Untuk melawat Taj Mahal, kami perlu menyalurkan stoking plastik yang dipakai untuk menutup kasut bagi menjaga kebersihan dan keindahan bangunan tersebut.

Setelah melalui pintu depan, kami semua terpegun buat seketika dengan keindahan Taj Mahal yang sememang termasyur sebagai salah satu keajaiban dunia. Taj Mahal merupakan monumen yang dibina oleh Shah Jehan untuk memperingati isteri tersayang, Mumtaz Mahal, yang meninggal dunia semasa melahirkan anak yang ke 16. Setelah mendengar taklimat mengenai Taj Mahal dari

pemandu pelancong, kami dibenarkan menghabiskan masa untuk melawat dan bergambar sehingga matahari terbenam. Ramai juga yang tidak melepaskan peluang untuk bergambar di atas kerusi di mana Princess Diana telah bergambar dan kami juga tidak lupa untuk bergambar secara berkumpulan sebagai kenangan.

Pada keesokan harinya, pada jam 8.30 pagi selepas sarapan, kami berlepas menuju Delhi. Sebelum meneruskan perjalanan kami sempat singgah di beberapa kedai untuk membeli belah. Kami tiba di Delhi pada jam 2.00 petang dan dibawa makan tengahari. Selepas itu kami dihantar ke Good Times Hotel di kawasan Karol Bagh untuk berehat sebelum berlepas ke lapangan terbang untuk pulang ke Malaysia. Dalam masa yang singkat itu., ada peserta yang mengambil peluang untuk membuat *last minute shopping* sebelum bersiap sedia untuk pulang pada jam 6.00 petang.

Setelah berada di India selama 7 hari 6 malam, kami semua sudah tidak sabar untuk pulang. Pada saat terakhir, sebelum berlepas ke lapangan terbang, salah seorang dari peserta rombongan menyedari bahawa telefon bimbitnya telah hilang. Keadaan menjadi kelam-kabut apabila beliau mengesyaki pemandu, penolong pemandu serta pemandu pelancong terdahulu yang terlibat. Sudah menjadi kebiasaan apabila barang kita sudah hilang, agak sukar untuk mendapatkannya kembali. Hakikat ini perlu diterima oleh peserta berkenaan dan kami meneruskan perjalanan ke lapangan terbang dengan suasana sedih kerana kejadian itu telah mengguris hati kami semua pada saat-saat akhir lawatan. Walau bagaimanapun pengalaman pada keseluruhannya adalah menyeronokkan dan tidak dapat dilupakan seperti yang digambarkan dalam komen melalui email yang diterima dari peserta rombongan.

Dear Maimunah

Sorry for the delay in reply. I wish to personally thank you for the package tour. In my view, it was a splendid one, with lots of amicability, exchange of ideas and viewing India from the Malaysian perspective.

I have no complaints. I only wish to add that it was great experience and I wish to thank all for everything. Terima Kasih.

With regards, Dr Thani

Thank you again for a wonderful trip. Hasbullah and I have been talking about book fairs in Beijing, Tokyo, Honolulu, Rocky Mountains, Sydney, Johannesburg, Waikato, Toronto and not forgetting the one in PWTC. I hope I can be involved in any one of the above book fairs. (PWTC not included).

Best regards, Kang

Hai Maimunah,

That's a nice piece to invite for another

session with you! Appreciate with thanks for sharing your experience in India with us. It's a most enjoyable trip I should say and hope to go again for another experience trip with you, accept my humble apology for being late at the airport. Thanks again and hope to see you soon.

Regards, Roziah

Dear Mai

TQ. We enjoyed the trip and brought back - a lot of shopping goodies!!!!!! and memories. Till today when others ask about the trip I said, it was a memorable, enjoyable and fun, thanks to you.

Sharifah Hanou Bidin

Puan Mai,

Just to say thank you very much for the lovely trip. Hopefully to join you again in another trip. Maaf sekiranya kami berdua ada menimbulkan masalah semasa trip tu ye. Terima kasih sekali lagi.

Sham.

What is Information Literacy ????????

There are numerous definitions of information literacy. However, the definition put forward by the American Library Association Presidential Committee on Information Literacy in 1989 has been used as the basis for other definitions that followed. The Committee defined information literacy by defining the attributes of an information literate person.

"To be information literate, a person must be able to recognize when information is needed and have the ability to locate, evaluate, and use effectively the needed information. Producing such a citizenry will require that schools and colleges appreciate and integrate the concept of information literacy into their learning programs and that they play a leadership role in equipping individuals and institutions to take advantage of the opportunities inherent within the information society. Ultimately, information literate people are those who have learned how to learn. They know how to learn because they know how knowledge is organized, how to find information, and how to use information in such a way that others can learn from them. They are people prepared for lifelong learning, because they can always find the information needed for any task or decision at hand".

International Conference on information Literacy (ICIL 2006)

Date : 14 - 15 June 2006

Venue : Hilton Kuala Lumpur

Call For papers

The Faculty of Information Management UiTM in Association with Persatuan Pustakawan Malaysia will be hosting the International Conference on Information Literacy (ICIL 2006). With the theme of INFORMATION LITERACY AND KNOWLEDGE SOCIETY : DEVELOPMENT; CHANGES; CHALLENGES, the conference will provide an opportunity for practitioners and academicians to share experiences and insights on the development and challenges in the area of information literacy.

The Organising Committee invites submission of abstracts for presentation. Topics must be on information literacy and areas related in the context of schools, higher education and workplace.

Areas of focus

- Attitudes and motivational strategies and information literacy
- Future and new frontiers of information literacy
- Information literacy in information age
- Information and knowledge skills; knowledge acquisition
- Information literacy and lifelong learning
- Implementation and evaluation
- Information literacy and organisational change
- Information literacy curriculum
- Information literacy : changes and challenges
- Information literacy and learning outcomes
- Information literacy policies, standards, guidelines

- Information literacy in specialised fields of interest
- Information literacy task force and national initiatives
- Learning and teaching strategies, learning resources
- Models of information literacy
- Schools, libraries and information literacy
- Issues and strategies in information literacy
- Rubrics for assessment
- Research on information literacy
- Roles of teachers/librarians/administrators

Procedures for Submission

For submission of abstracts, please follow these requirements :

1. Abstracts must be received by 3 April 2006
2. Abstracts must be submitted through email as a Microsoft Word attachment and send them to fuziahmn@salam.uitm.edu.my or mohd.sharif@gmail.com or fax to 03-79622007.
3. Please provide the following during the submission process :
 - a. Name(s) and affiliation(s) of author(s)
 - b. Title of abstract
 - c. Length of abstract – between 250 to 300 words
 - d. Biography of author(s) – maximum of 50 words

All abstracts will be peer-reviewed and author(s) will be notified by 14 April 2006 of the status of their submission.

Lihat muka 7

Persidangan/Seminar

dari muka 6

Important Dates

Submission of abstracts 3 April 2006
Notification of acceptance
14 April 2006
Submission of full papers
1 June 2006
Conference dates
14 – 15 June 2006

Further information

Secretariat
International Conference on
Information Literacy (ICIL
2006)
Faculty of Information
Management
Universiti Teknologi MARA
Puncak Perdana Campus
40150 Shah Alam
Selangor

Tel : 03-79622020 (Ani)/
193553174 (Khir)/
019287226(Zaidi)/ 133520901
(Sharif)
Fax : 03-79262007
Email : mohdkhir@yahoo.com
OR mohd.sharif@gmail.com

Workshop On Information Literacy

Date : 7 – 12 June 2006

**Venue : Shah Motel Village,
Petaling Jaya**

This workshop is jointly organised by the Faculty of Information Management UiTM, Persatuan Pustakawan Malaysia, Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan, and IFLA. It focuses on the preparation of :

- Modules as guides for teachers in primary and secondary schools in Malaysia
- Other areas of concerns including policies, standards and guidelines, teaching methods, implementation
- Country reports of participating South East Asian nations

Attendance is **by invitation only**.

Bengkel Pengurusan Perpustakaan Dari Perspektif Undang-Undang

Tarikh : 16 – 18 Mei 2006

**Tempat : Shah Village Hotel, Petaling Jaya
(Tel : 03-79569322)**

Bengkel ini bertujuan untuk memberi kesedaran bahawa perpustakaan juga seperti organisasi lain harus melaksanakan peraturan yang bersesuaian dengan kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam sistem perundangan Malaysia. Melalui Bengkel ini, peserta-peserta akan :

- Memahami undang-undang dan peraturan Kerajaan yang berkaitan dengan pengurusan perpustakaan
- Mengetahui bagaimana memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan tidak melanggar undang-undang yang berkaitan
- Melaksanakan peraturan perpustakaan selaras dengan undang-undang negara

Yuran yang dikenakan adalah seperti berikut :

Ahli PPM	RM400.00 - bayaran pada atau sebelum 16 Mei 2006
	RM450.00 - bayaran selepas 16 Mei 2006
Bukan Ahli	RM470.00 - bayaran pada atau sebelum 16 Mei 2006
	RM500.00 - bayaran selepas 16 Mei 2006

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan bagi bengkel-bengkel ini, sila hubungi :

Pegawai Eksekutif
Persatuan Pustakawan Malaysia
Peti Surat 12545
50782 Kuala Lumpur
Tel/Faks : 03-26947390
Emel : ppm@po.jaring.my

Forum Pendigitalan Koleksi Perpustakaan

Objektif:

- (i) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan kerja pendigitalan
- (ii) Berkongsi pengalaman menjalankan kerja pendigitalan koleksi perpustakaan
- (iii) Merancang ke arah pemuliharaan bahan melalui pendigitalan agar memudahkan pengaksesan semula maklumat

Tarikh/Masa : 5 Julai 2006 (8.00 pagi - 5.00 petang)

Lokasi, Ahli Panel & Program

Brosur dijangka akan dikeluarkan pada bulan Mei 2006

Ahli Panel :

Mempelawa pustakawan dari perpustakaan khusus yang telah mengaplikasi kerja digitasi di perpustakaan masing-masing

Peserta :

Keutamaan kepada petugas di perpustakaan khusus dan mereka yang berminat.

Keterangan lanjut sila hubungi :

hasnita@bernama.com

PPM JOURNAL



We have published Volume 1 (December 2005) and the issue is being sent out to all our members gratis. Please go through it and if you have any comments or suggestions to further improve our journal, do email us. The next issue will be published in December 2006 and we would like to invite our members to contribute articles for the forthcoming issue. If you are submitting your article to us, please adhere to the following guidelines.

INFORMATION ABOUT THE JOURNAL

Jurnal PPM is published annually in December by the Persatuan Pustakawan Malaysia (Librarians Association of Malaysia). The journal publishes original articles on all aspects of library and information science and invites contributions from librarians, information scientists, educators, administrators, publishers, and other interested persons.

TYPES OF CONTRIBUTIONS

The journal publishes original articles on all aspects of library and information science.

SUBMISSION REQUIREMENTS

Only one copy of the manuscript needs to be submitted.

FORMAT

Manuscripts can be written either in the English or Malay language. However, manuscripts written in the Malay language must be accompanied by an abstract written in the English language. Manuscripts should preferably be 2,500-5,000 words in length and must be word processed double spaced throughout (including notes and references) on A4 white paper using one side only. A 1 ½ inch margin should be left on all sides. Authors are encouraged to submit manuscripts using at least Microsoft Word on a 3 1/2" disk or as an attached file with your email. The font type required is Times

New Roman, 11pt. The first page of the manuscript should contain the following information:

***Title of article,
Name(s) and affiliation of author(s),
Complete address,
including telephone and fax numbers,
and e-mail address.***

The second page of the manuscript should only contain the title of the article and an abstract of about 150-200 words. The text of the manuscript should begin with the title, and must not contain the author's name(s). This is to ensure anonymity during the review process.

ACCURACY OF MATERIAL

It is the responsibility of the author to check the accuracy of all data, statements and references.

COPYRIGHT

It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright for the article is transferred to the publisher, if and when the manuscript is accepted for publication.

STYLE

The style of the manuscript should follow *The Chicago Manual of Style*, 14th ed. (Chicago: University of Chicago Press, 1993).

References should be cited in the text using the 'name and date' style, e.g. "Abercrombie (2005) note that ..." or "research shows that ... (Abercrombie, 2005)".

References at the end of the article should be listed in alphabetical order. Examples of the recommended reference style:

Abbott, Wendy. 2002. Re-casting the Net: a Lead role for the Web in learner-centered information literacy education. *IATUL Proceedings (New Series)*, Vol 11.

<http://www.iatul.org/conference/proceedings/vol11> (Accessed :29 December 2004)

Fidel, Raya et.al. 1999. A visit to the information mall: Web searching behavior of high school students.

Lihat muka 10

**Perlantikan oleh UNESCO
Sebagai Konsultan di Sri Lanka**

Dato' Zawiyah Baba, bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, telah dilantik oleh UNESCO sebagai konsultan untuk perpustakaan di Sri Lanka mulai November sehingga Disember 2005. Kajian perundingan termasuk lawatan 10 hari ke Sri Lanka untuk menilai kerosakan perpustakaan awam akibat dilanda tsunami pada 24 Disember 2004 serta menyediakan pelan induk untuk pembangunan semula perpustakaan termasuk strategi untuk penubuhan perpustakaan elektronik di Sri Lanka. Laporan ini akan digunakan oleh agensi penderma untuk menentukan jenis dan jumlah bantuan yang diperlukan dalam usaha membantu pembangunan semula perkhidmatan perpustakaan di Sri Lanka dan penubuhan perpustakaan elektronik selaras dengan e-Sri Lanka, iaitu inisiatif utama kerajaan untuk memajukan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Sri Lanka.

**Anugerah Perpustakaan
Cemerlang 2007**

PPM Council has approved the revisions proposed for the 2007 award by the Library Excellence Awards Committee. The Committee revised the guidelines and questionnaire for submission by libraries for the award. The guidelines and questionnaire have been circulated by Committee Secretary Assoc. Prof. Nor Edzan Nasir to major libraries in Malaysia for comments before the documents are finalised. A major change from the first award is the creation of an additional category, the medium sized library. There will therefore be three categories of libraries, namely large libraries, medium-sized libraries and small libraries for the 2007 award. The PPM Library Excellence Awards Committee members comprise of Dato' Zawiyah Baba as Chairman, Assoc. Prof. Nor Edzan Nasir as Honorary Secretary, Mrs. Khoo Siew Mun, Puan Hjh Rosna Taib, Prof. Szarina

Law Librarians Discussion Group – MalLawLib

A discussion group for Malaysian law librarians is available on the Yahoo Groups Network system. The Malaysian Law Librarians Discussion Group or MalLawLib is a forum for Malaysian law librarians or anyone who is interested with the intricacies of law librarianship to discuss issues and exchange ideas; seek assistance on reference inquiries; alert each other on job opportunities, training programmes, courses, new changes to existing law; encourage, develop and support projects that will improve access to and the organization of legal materials; inform, educate and encourage cooperation through activities and programmes on law librarianship. The MalLawLib welcomes anyone and everyone to join them.

- MalLawLib's homepage - <http://groups.yahoo.com/group/MalLawLib/>
 - To become a group member, please send a blank email to MalLawLib-subscribe@yahoogroups.com for automatic registration of membership
- For further enquiries, please contact Shaikh Mohamed Noordin, the group's moderator via email (nordin@taypartners.com.my) or telephone (03-20501860).

Abdullah, Puan Hjh Shahar Banun Jaafar and Encik Hasbullah Atan.

**Dato' Zawiyah Baba
dijemput sebagai
kolumnis Utusan
Malaysia**

Dato' Zawiyah Baba telah dijemput oleh akhbar kebangsaan, Utusan Malaysia, untuk menjadi kolumnis. Beliau kini mempunyai ruang yang dinamakan BICARA BACA dalam akhbar tersebut yang telah bermula pada 27 Februari 2006. Setiap minggu beliau akan berkongsi pendapat serta pengalaman mengenai pelbagai tajuk yang berkaitan dengan buku dan pembacaan

**Lawatan ke Knowledge
Management Centre, Bank
Negara Malaysia dan Forum
Knowledge Management
(KM) pada 28 Februari 2006**

Lawatan dan forum ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus, PPM dan disertai seramai 35 pustakawan dari pelbagai perpustakaan khusus sekitar

Lembah Kelang. Encik Ghazali Mohamed Fadzil, Pengurus KMC telah memberi penerangan panjang lebar mengenai KMC disamping menyelitkan perbincangan berkaitan KM. Pendekatan ini lebih praktikal dan lebih fokus, kerana ilmu yang ditimba sedang dipraktik di KMC. Berbagai soalan diajukan dan peserta sangat berminat untuk mengetahui mengenai kejayaan KMC yang menggunakan KM sebagai garis panduan.

Melihatkan persekitaran KMC yang terbahagi kepada enam zon pengetahuan sangat mengkagumkan, seiring dengan maklumat serta perkhidmatan yang terdapat kelainannya. Pustakawan tidak harus melepaskan peluang untuk melawat KMC kerana keunikannya menambah nilai serta menaikkan sesebuah perpustakaan.

Lihat muka 10

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH UTM PENERIMA ANUGERAH PERPUSTAKAAN CEMERLANG



Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM/Sponsor (kategori Perpustakaan Sederhana/Besar) pada majlis makan malam sempena sambutan 50 tahun penubuhan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 7 April 2005 yang lalu. Anugerah dalam bentuk piala, sijil, serta wang tunai telah disampaikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak kepada Naib Canselor UTM, Datuk Prof. Ir. Dr. Mohd. Zulkifli Tan Sri Mohd. Ghazali. Hadir sama pada malam tersebut ialah Ketua Pustakawan PSZ, Pn. Kamariah Nor Mohd Desa, bekas Ketua Pustakawan PSZ iaitu Pn. Sham Darus dan Cik Rosna Taib serta tokoh-tokoh pustakawan dari Malaysia, Singapura serta dari beberapa negara luar.

Anugerah yang julung kali diadakan ini adalah satu pengiktirafan di atas kecemerlangan Perpustakaan Sultanah Zanariah sebagai sebuah perpustakaan akademik yang giat berusaha memberi perkhidmatan terbaik, aktif dalam pendidikan pengguna serta aktiviti kemasyarakatan. Anugerah ini juga membuktikan peranan luas yang dimainkan oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah dalam mengadakan pelbagai aktiviti pendidikan pengguna dan promosi demi pembangunan pendidikan di negara ini dan secara tidak langsung mempromosi bidang kepustakawanan kepada masyarakat umum.

Kejayaan ini amat berharga kepada semua staf



Perpustakaan Sultanah Zanariah kerana ianya adalah hasil dari semangat kerja berpasukan yang tinggi selama ini. Pengiktirafan dan penghargaan ini sekaligus memperaku Perpustakaan Sultanah Zanariah sebagai sebuah perpustakaan yang boleh dijadikan contoh di negara ini sekaligus mengharumkan nama Universiti Teknologi Malaysia.

Dari muka 8

Journal of American Society for Information Science, Vol. 50, no. 1: 24-37.

Hopwood, I. 1989. *Successful women in Zambia*. Gaborone: UNICEF.

Kulthau, C.C. 1985. A process of library skills instruction. *School Library Media Quarterly*, Vol. 13: 35-40.

Tables, Figures and Illustrations

Tables, figures and illustrations should be provided within the text.

ADDRESS

All manuscripts, requests for further information and other correspondence should be sent to:

Editor
 Jurnal PPM
 Persatuan Pustakawan Malaysia
 P.O.Box 12545
 50782 Kuala Lumpur
 Malaysia. Tel/Fax: (03) 26947390
 e-mail: ppm55@po.jaring.my

Dari muka 9

Sokongan dari pihak pengurusan tidak dinafikan menjadi faktor membantu kejayaan KMC. Tidak hairanlah KMC memenangi Special Mention Award (Transformation of Library) bagi "Library Excellence Awards" anjuran PPM pada tahun 2005. Lawatan ini amat bermakna dan boleh mencetuskan ide bagi pustakawan untuk diadaptasikan mengikut kemampuan perpustakaan masing-masing.



From pg. 2

production!

Now that we have established positive links between librarians and PGL The Musical, I'm sure you are even keener to see it. Wait a minute, before you start watching, you buy a souvenir programme and surprise, surprise, you find book writers from among the creative team of the production. The spell-check immediately underlines this word in red. But no matter, my guess is they are responsible for the write-ups in the souvenir programme book. There is quite a lot of writing to be done as the Musical has a very big cast. There's also the synopsis and description of each scenes which needs writing up, with illustrations, apart from biodata of all the main actors, including the dance ensemble and orchestra. So, take note of this emerging group contributing to the Malaysian theatre literature.

If another by-product of the theatre is an impressive, well-written, well-documented, interesting, colourful and informative book, librarians will no doubt find an additional incentive in going to the theatre. While you are at it, check if the book has an ISBN number and Cataloguing-in-Publication (CIP) data, as any respectable publication should have. Oh yes, PNM should also ensure that the producers have complied with the Deposit of Library Material Act 1986, and deposited the five copies with the National Library of Malaysia for preservation.



Dari muka 3

Pertua PPM, Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman sempena majlis perasmian Perpustakaan Daerah Jelebu pada 7 April 2006.

PPM juga akan bekerjasama dengan badan-badan lain yang telah memulakan projek pembangunan semula di Aceh dan mempunyai hubungan serta rangkaian bantuan di Aceh. Setakat ini PPM telah mengadakan perbincangan dengan Aceh Relief Fund (ARF) yang ditubuhkan oleh pelajar Universiti Cornell, Ithaca, New York untuk membincang bentuk kerjasama yang boleh dijalin. Dua pertemuan telah diadakan iaitu pertama kali bersama Presiden ARF, Dr. Mazlan Khamis pada 22 Mac 2006. Kebetulan pula Dr. Mazlan ialah pelajar Malaysia yang menjalankan kajian pasca kedoktoran di Universiti Cornell. Turut serta dalam pertemuan ini ialah Puan Rohani Rustam dan Puan Siti Mariani Omar, ahli Jawatankuasa Bantuan Luar PPM. Seterusnya Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Luar, Dato' Zawiyah Baba telah mengadakan pertemuan bersama Naib-Presiden ARF, Encik Saiful Mahdi di Seremban pada 26 Mac 2006. En. Saiful, yang

Lihat muka 12

From pg. 1

purposes. At the very last minute, the tour leader, Encik Hasbullah had to withdraw due to an urgent personal problem so I had to take over as the group leader.

The delegation was headed by our President, Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman. And we departed KLIA on 25 March 2006 on flight MH 704 at 12.00. We arrived in Manila at 15.45 and were met by a local agent for transfer to Edsa Shangri-la for check-in. Security at the airport and Edsa Shangri-la was very tight. At the hotel, dogs sniffed at our luggage and all our belongings were thoroughly checked before entering the hotel. After getting our keys and rushing for prayers we assembled in the lobby at 19.00 where the coach was waiting to take us for dinner at a sea food restaurant called Zamboanga followed by a cultural performance. Dinner was not to our liking but we enjoyed the cultural performance. After dinner we headed straight back to the hotel and were again subjected to security check even though they know that we were staying at the hotel.

On the next day, immediately after breakfast, some of us went to register and this was indeed a wise move since there was hardly anybody in the queue except for those on duty. We left for the city tour at 9.00 and being Sunday, we were spared the traffic jam. We visited the American Memorial, Rizal Memorial, Intramuros and Fort Santiago



Visit to Rizal Park, Manila

and finished the city tour with lunch at Kashmeer Restaurant for a halal North Indian cuisine.

The afternoon was set for free and easy activities. We assembled in the lobby at 18.00 for dinner at another Kashmeer Restaurant except this one was in Mandaluyong. The dinner, which was hosted by Access Dunia, was the best dinner so far and we felt so at home because they were playing Malaysian songs. Thank you Access Dunia for that wonderful dinner and we certainly had a great time that night!

Monday was the start of the conference and everyone was busy attending the exhibition and listening to paper presentations. On Wednesday, we had to check out from Edsa Shangri-la because it was fully booked and we moved to Crown Plaza. Much to our surprise, we found out that the hotel is quite new and the décor is modern.. We did

Cont. pg 12



World Library and Information Congress: 72nd IFLA General Conference and Council

“Libraries: Dynamic Engines for the Knowledge and Information Society”

20-24 August 2006, Seoul, Korea

Call for papers !

Early Bird registration deadline: 15 May

<http://www.ifla.org/IV/ifla72/index.htm>

Dari muka 11

telah membantu mengatur program lawatan Misi Iqra' PPM di Aceh pada 2-5 Ogos 2005, telah singgah di Kuala Lumpur dalam perjalanan pulang ke New York dari Aceh. Turut hadir di pertemuan ini ialah Encik Hasbullah Atan, Setiausaha Jawatankuasa Bantuan Luar PPM dan Puan Jamilah Katis, Pemangku Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Dr.Hj.Wan Ali Wan Mamat telah bersetuju pada prinsipnya untuk menerima calon dari Aceh bagi kursus-kursus yang dianjurkan oleh PNM dibawah Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM). Walaubagaimana pun pencalonan pustakawan Indonesia akan diputuskan oleh Kementerian Luar Negara Indonesia.

Laporan lengkap Misi Iqra' PPM ke Aceh pada 2-5 Ogos 2005 ini boleh diperolehi daripada laman web PPM. Ia turut menyenaraikan bantuan yang diperlukan oleh perpustakaan dan program literasi di Aceh. Laporan ini juga telah diterbitkan dalam buletin Regional Section for Asia and Oceania (RSCAO) IFLA dalam keluaran Disember lalu. Terbaru, laporan ini turut dimuatkan dalam Alexandria, jurnal Perpustakaan Negara keluaran terbaru.



From pg. 11

not really mind the move except when the shuttle service did not turn up to pick us for the farewell dinner since it was caught in the traffic jam. We decided to go by taxi to Edsa Shangri-la but it was difficult to get 3 taxis at the same time. Finally the concierge managed to hail a jeepney which fulfilled one participant's wish from day one to ride a jeepney. It took us an hour to reach Edsa Shangri-la because our jeepney was stopped twice by the traffic police. Was it so obvious that it was transporting Malaysian librarians? Finally we arrived at Edsa Shangri-la and can you imagine the history we created when our jeepney finally dropped us off at the



The Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA with the Librarians Association of Malaysia will be hosting a conference on Information Literacy (ICIL 2006), June 14 & 15, 2006 at Hilton Kuala Lumpur, Malaysia. The theme of the conference is “Information Literacy and Knowledge Society: Development, Changes, Challenges”.

.. More info pg. 6



Conference On Libraries For The Future : Towards World Class Academic Libraries (LibFe 2006)

For more information visit :

<http://ilmu2.ptar.uitm.edu.my/ptar/eQUIP/news&events/LibFe2006/index.html>

main entrance of the hotel and the bellboys were all helping us get off the jeepney! Well, that was one experience we will never forget. For the cultural performance, we were so proud with Malaysia's performance of the Orang Hulu Sarawak dance which was performed by our talented Puan Rashidah Bolhassan and Cik Hayati Sabil followed by a Joget Lambak to the tune of Jong-Jong Inai. All the Malaysian delegates were such good sport when they join us on stage for part of the show. Malaysian Librarians Boleh! We flew back the next day with fond memories of CONSAL XIII and a strong bond amongst the participants of PPM's package.

Official website <http://www.consal13.up.edu.ph/new/>